

ISLAM SIASAH DAN KEBANGSAAN

PERSAMAAN ITULAH ASAS YANG UTAMA DI DALAM PEMERINTAHAN ISLAM

Persamaan yang dijalankan di dalam pemerintahan sahabat yang utama, Abu Bakar dan Umar, adalah persamaan yang tidak ada tolok bandingnya yang menunjukkan bahawa tidak ada kelebihan seseorang dengan seseorang, pemerintah dengan rakyat jelatanya, yang mengenai perihal keadilan masyarakat. Doktor Taha Hussien di dalam makalah ini telah menggambarkan bagaimana tanggungan seseorang pemerintah kepada dirinya, tidak boleh melebihi kaum keluarganya atau sanak saudaranya kerana pengaruhnya dalam pemerintahan itu. Fahamkanlah ajaran-ajaran yang digambarkan oleh tawarikh Islam ini supaya makin sehari ke sehari dapat dunia menginsafi bahawa keadilan secara Islam itulah yang akan meliputi keadilan masyarakat yang sebenarnya – tidak hanya dengan percakapan jua tetapi dengan amali.

KEKERASAN AL-FARUK TIDAK KEJAM

Orang-orang yang telah membaca tawarikh perjalanan Rasulullah (SAW) telah mengetahui bahawa baginda tak pernah melebihi dirinya di antara sahabat-sahabatnya, ia hanya telah dilebihkan oleh Allah dengan kelebihan yang tinggi iaitu dengan wahyu yang diturunkan kepadanya. Rasulullah (SAW) telah pernah bermesyuarat meminta fikiran dan pertimbangan sahabat-sahabatnya, pernah berperang bersama-sama mereka dan tinggal tenang bersama-sama mereka dalam masa aman dan damai. Bersama-sama mereka itu juga baginda membina dan menggali parit serta menyanyi pada ketika mereka menyanyi iaitu tatkala mereka menjadikan nyanyi itu sebagai menolong kepada kepayahan menggali dan membina. Tatkala baginda mengangkat tanah dan batu bersama-sama mereka maka baginda memandang dirinya seseorang yang setaraf dengan sahabat-sahabatnya hanya sanya Allah telah mengurniakan kepadanya dengan kelebihan wahyu dan martabat nabi. Dengan kerana itu ia tidak melebihi dirinya dengan melampaui daripada kelebihan yang telah dikurniakan kepadanya itu.

Tawarikh dan hadis-hadis Rasulullah telah menjelaskan bahawa tatkala ia gering dalam masa akhir hayatnya ia telah bertanya berkenaan sedikit emas yang terletak dalam simpanannya yang menjadi hak milik orang Islam dan setelah dibawa ke hadapan baginda, maka dipulangkannya kepada tempat simpanan

orang ramai dan kemudian wafatlah baginda dengan tidak memiliki sesuatu benda pun dan menanggung hak sesiapa jua pun.

Dengan keterangan yang demikian maka teranglah bahawa perjalanan Rasulullah (SAW) itu terdiri di atas keadilan di antara sekalian manusia di dalam semua perkara yang berlaku di antara mereka sesama mereka sendiri. Ia telah menjalankan keadilan atas perkara-perkara yang mengenai orang ramai dengan dirinya sendiri: Di antara orang ramai dengan keluarganya sendiri. Kedua-dua khalifah Rasulullah, Abu Bakar dan Umar telah bersungguh-sungguh mengikut jejak Rasulullah sehingga Abu Bakar memberati dirinya dengan tanggungan yang sangat berat. Dalam masa Abu Bakar menjadi khalifah yang mengawal hak dan maslahat rakyat jelata maka dalam masa itu juga ia berusaha bagi mendapat sara hidupnya bersama-sama dengan keluarganya.

Pada suatu hari kelihatan khalifah al-Muslimin Abu Bakar as-Siddiq mengangkat barang-barang perniagaannya hendak dijualnya di pasar sebagaimana adatnya sebelum ia menjawat jawatan khalifah al-Muslimin, sebagaimana keadaan orang-orang yang berada di sekelilingnya melakukan pekerjaan yang sedemikian itu. Tetapi orang ramai telah berasa belas kasihan kepadanya tatkala ia mengerjakan pekerjaan yang berat itu dan dengan kerana itu ia telah ditetapkan menerima habuan yang menutup sara hidupnya bersama-sama

dengan ahli rumahnya daripada wang Baitulmal.

Lebih jauh lagi khalifah al-Muslimin Abu Bakar telah menurut jejak Rasulullah (SAW) iaitu tatkala ia takut jangan-jangan kelak ia meninggal dunia dalam masa harta orang-orang Islam ada di dalam simpanan dan oleh yang demikian ia telah berwasiat kepada kaum keluarganya supaya haknya yang sedikit yang masih berbaki kepadanya dipulangkan kepada simpanan Umar bin al-Khattab.

Apabila harta-harta itu sampai ketangan Umar bin al-Khattab maka Umar bin al-Khattab menangis yang menjadikan ia berazam tak mahu menerimanya tetapi kemudian Umar bin al-Khattab telah mengubah azamnya itu oleh kerana ia redha menanggung susah payah sebagaimana sahabatnya (Abu Bakar) bersusah payah mengira tiap-tiap perkara dengan cermat. Ia tidak gemar memberikan sahabatnya itu mengadap Tuhannya yang sudah tentu akan ditanya atas hak-hak orang ramai yang disimpan olehnya walaupun benda itu sangat sedikitnya. Ia tidak juga gemar sahabatnya Abu Bakar menjawab pertanyaan Tuhannya dengan berkata: "Bahawa keluarga hamba telah memulangkan hak itu tetapi Umar telah enggan menerimanya."


Demikianlah caranya Rasulullah dan khalifahnya Abu Bakar bercermat menjalankan keadilan sehingga kedua-dua yang mulia itu telah mensifatkan diri mereka berdosa dalam sesuatu perkara yang kecil yang tidak mempunyai dosa. Mereka itu bersusah payah mengira dengan halus sesuatu perkara yang rasanya tidak akan terlintas di sisi wali-wali yang takwa dan suci bersih dan mereka yang bersifat demikian itu tidaklah sedemikian itu susah payah mengiranya sekiranya usia pemerintahan Abu Bakar as-Siddiq itu panjang nescaya kita akan dapat melihat perkara-perkara yang menakjubkan. Malangnya masa pemerintahan hanya tiga tahun dan beberapa bulan jua.

Tetapi masa pemerintahan Umar bin al-Khattab telah melebihi sepuluh tahun dan kerana itulah ia telah dapat menunjukkan kepada kita perkara-perkara yang ganjil yang hampir-hampir orang ramai tidak percayai. Sebahagian orang berpendatan bahawa


ahli-ahli tawarikh telah mensifatkan Saidina Umar dengan kekerasannya yang terlampau – yang demikian ini adalah melampaui batas-batas daripada yang benar. Mereka yang membaca tawarikh dengan saksama dengan mudahnya akan dapat membezakan apa-apa yang telah ditambah oleh petarikh-petarikh itu daripada apa yang sebenarnya yang sesuai dengan riwayat hidup Saidina Umar bin al-Khattab dan tabiat-tabiatnya daripada kejadian-kejadian yang berlaku.

Ia sebenarnya mempunyai cara-cara pemerintahan yang keras kepada rakyat jelata dengan setinggi-tinggi peringkat kekerasan tetapi yang demikian itu semata-mata kerana mendirikan perintah Allah yang mesti dikerjakan. Bukannya kepada orang ramai sahaja kekerasan itu dilakukannya tetapi juga kepada dirinya sendiri.

Tidak pernah terkenal di dalam tawarikh manusia seseorang yang boleh ditandingkan dengan Umar bin al-Khattab mempunyai hati yang sentiasa hidup dan yang sangat bercermat daripada tergelincir walaupun di dalam dosa yang sekecil-kecilnya. Ia sentiasa takut dirinya mengerjakan sesuatu yang tidak mustahak rasanya ditakutkan dan mencela dirinya daripada sesuatu yang tidak ada cacat celanya. Orang ramai masih mengetahui perdirian Umar bin al-Khattab di dalam masa orang Islam menempuh zaman



Presiden Sukarno sedikit masa yang lalu apabila berlaku perselisihan-perselisihan dalam dasar-dasar Jemaah Menteri Mohammad Natsir telah berunding dan bercakap-cakap dengan lain-lain Menteri di dalam Jemaah Menteri itu. Gambar Tuan Mohammad Natsir sedang bercakap-cakap manakala Presiden Sukarno sedang mendengar dengan cermatnya – gambar APB.



Askar-askar Turki yang berjuang di Korea yang telah tercedera telah dibawa balik ke negerinya dengan kapal terbang tatkala singgah di sini. Daripada 900 orang askar Turki ini 700 orang telah tercedera dan binasa.

kepayahan yang sangat sakit yang terkenal dengan “am ar-ramadah” ia bersama-sama dengan rakyat jelata menanggung zaman kepayahan yang pahit itu walaupun ia ada kemampuan boleh bersenang lenang. Ia telah terpaksa pada masa itu menderita sebagai penderitaan seorang rakyat yang papa kerana menderita kepayahan hidup.

Kekerasan hukuman Umar bin al-Khattab itu lebih lagi tatkala ia menjalankannya ke atas kaum kerabatnya. Lazimnya apabila ia menegah orang ramai mengerjakan sesuatu perkara dan menerangkan kepada mereka akan hukuman-hukuman yang keras yang akan dikenakan kepada sesiapa yang melanggarnya maka ia terus mengumpulkan sekalian kaum kerabatnya dan berkata kepada mereka: “Aku telah menegah orang-orang Muslimin daripada mengerjakan perkara itu dan ini – dan telah aku terangkan kepada mereka itu hukuman-hukuman yang keras yang akan dikenakan kepada sesiapa yang melanggarnya oleh yang demikian berhati-hatilah, orang ramai sedang bertumpu memandang kepada semua gerak geri kamu, kerana kamu kaum kerabatku. Berjaga-jagalah diri! Sebaik-baik sahaja aku mengetahui salah seorang daripada kamu melanggar perintah ini nescaya akan aku gandakan hukuman yang keras bagimu.

Pendeknya walau bagaimanapun kekerasan yang telah dijalankannya oleh khalifah al-Muslimin Umar bin al-Khattab kepada dirinya dan kaum kerabatnya kepada rakyat jelata Islam yang ramai maka

tidaklah boleh dituduh bahawa Amirul Mukminin Umar tidak mempunyai satu dasar siasat yang bijak, yang sebenarnya ada dan telah pun diterangkan dengan katanya: “*Syadat fi gair, ‘anaf, walin fi gair da’af*” maksudnya: kekerasan tetapi tidak kejam dan lemah lembut tetapi bukannya pula bermakna hilang kuatkuasa.

Pada suatu hari pernah kejadian tatkala ia sedang membahagikan-bahagikan harta pemberian kepada orang ramai maka orang Islam telah datang berasak-asak dengan banyaknya mengerumuninya. Di dalam masa itu tiba-tiba kelihatan olehnya Saad bin Abi Waqqas, sahabat Rasulullah yang tidak asing lagi mempunyai kelebihan-kelebihan yang cemerlang di dalam perjuangan Islam terutamanya di dalam perjuangan menawan menakluk Parsi, telah datang berhimpit-himpit di celah-celah orang ramai sehingga dapat melepaskan diri dan mengambil tempat yang hampir sekali di hadapan Umar. Gerak geri sahabat itu diperhati oleh Umar bin al-Farouq lalu ia mengambil cematinya dan memucut Saad bin Waqqas lalu berkata: “Nampaknya kamu tidak menaruh gerun kepada kekuasaan Allah di bumi oleh itu rasanya aku gemar mengajar kamu bahawa kekuasaan Allah itu tidak akan menaruh gerun dan gentar kepadamu.”

Demikianlah itulah cermatnya Umar bin al-Khattab menjalankan keadilan menyamaratakan rakyat jelata, menyamaratakan dirinya dan kaum kerabatnya dengan orang ramai. Ini tidak masuk perjalanan hidupnya yang tertentu yang dijalankannya hari-hari yang rasanya lemah saya hendak menurunkannya di sini satu persatu. (bersambung)

“Dan sesungguhnya kami telah sediakan neraka jahanam untuk beberapa banyak daripada jin dan manusia yang mempunyai hati tetapi tidak memikinya; dan mempunyai mata tidak mahu melihat dengannya; dan mempunyai telinga tidak mahu mendengar dengannya; mereka itu adalah seperti binatang bahkan lebih sesat lagi daripadanya; mereka itu adalah orang-orang yang lalai” – al-Quran surah al-A’raf ayat 179.